



Siaran Akhbar

OPERASI PEMANTAUAN BERSEPADU JAWATANKUASA PASUKAN BERTINDAK BAGI MENANGANI ISU KEBERSIHAN LADANG DAN PUSAT PENYEMBELIHAN

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Hari Sabtu, 22hb. Ramadhan 1441H/ 16hb Mei 2020**

Dalam usaha untuk terus menangani isu infestasi lalat yang dilaporkan hasil maklumat orang awam khususnya di beberapa buah kampung di sekitar Mukim Pengkalan Batu, satu operasi pemantauan bersepadu telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama dari pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana bertujuan bagi memastikan tahap kebersihan ladang-ladang pertanian sentiasa mengikut peraturan dan piawaian kebersihan yang telah ditetapkan khususnya ladang-ladang tanaman di beberapa buah Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) di Daerah Brunei dan Muara iaitu KKP Batumpu; KKP Si Bongkok, Kampung Parit, Masin; dan KKP Si Bongkok, Kampung Batong.

Hasil daripada pemantauan tersebut, sebanyak 13 buah syarikat telah dikenakan denda kompaun oleh pihak Jabatan Daerah Brunei dan Muara kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggal 30) iaitu antaranya pembuangan sisa-sisa ladang yang tidak teratur, meletakkan longgokan sampah bagi barang-barang domestik yang boleh diusahakan untuk dibuang ke tempat pembuangan sampah awam, membiarkan longgokan kereta atau jentera di kawasan ladang yang tidak lagi digunakan, persekitaran rumah pekerja yang tidak bersih dan sistem pembentungan saliran najis (*sewage*) yang tidak teratur. Syarikat-syarikat tersebut ialah Syarikat Bidah Duraman dan Anak-Anak; Syarikat Bunga Hati; Perusahaan Dyg Zaiton Hj Aman dan Anak-Anak; Syarikat Widiyana Seputra Agricultural Farming; Syarikat H.K Amirah; Syarikat Shamir; Syarikat Perusahaan Hj Mohd Salleh Hj Ludin dan Anak-Anak; Syarikat Mizu Enterprise; dan Syarikat Iktisad Ibunda dengan masing-masing dikenakan denda kompaun berjumlah \$200.00. Manakala Syarikat Umu Slamah Enterprise; Syarikat El-Kibal; Syarikat MSE Agriculture and Farming; dan Celapa Enterprise telah masing-masing dikenakan denda kompaun berjumlah \$500.00. Semua syarikat telah diarahkan untuk menjelaskan pembayaran denda kompaun berkenaan di Jabatan Daerah Brunei dan Muara dalam tempoh satu minggu dari tarikh ianya dikeluarkan dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan kawasan. Jika gagal, Jabatan berkenaan akan mengambil tindakan selanjutnya ke atas syarikat-syarikat tersebut.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta agensi-agensi yang berkenaan, khususnya melalui Jawatankuasa Pasukan



Bertindak bagi Menangani Isu Kebersihan Ladang dan Pusat Penyembelihan, akan sentiasa menjalankan aktiviti pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan tahap kebersihan ladang-ladang pertanian dan pusat penyembelihan sentiasa mengikut peraturan dan piawaian kebersihan yang telah ditetapkan.

Mana-mana kesalahan berkaitan boleh dikenakan denda kompaun di bawah Perenggan 7, 8, 14, 16, 17, 19, 20, 37 dan 38 Perintah Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar 2016 atau Environmental Protection and Management Order 2016; dan juga bagi kesalahan-kesalahan sepetimana yang dinyatakan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggal 30) bagi kesalahan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab. Jika didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggal 30) berkenaan, ianya boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND 500 dan sekiranya gagal untuk membayar denda tersebut maka tindakan undang-undang akan diambil dan boleh dihadapkan ke mahkamah, jika sabit kesalahan boleh didenda BND 1,000 bagi kesalahan pertama dan kesalahan seterusnya denda BND3,000 dan penjara tidak melebihi tiga bulan.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:


Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 22 Ramadhan 1441 / 16 Mei 2020



Gambar 1. Longgokan sampah domestik yang dibuang secara pembakaran terbuka



Gambar 2. Penyimpanan jentera atau kendaraan yang tidak digunakan di kawasan ladang



AK

Gambar 3. Persekutaran rumah pekerja yang tidak bersih dan selesa



Gambar 4. Sistem pembentungan saliran najis yang tidak teratur



✓